

Aksara Jawi: Makna dan Fungsi

NORIAH MOHAMED

ABSTRAK

Aksara Jawi Jawa dikenali sebagai tulisan Pegon atau Arab Gundul dan mula digunakan setelah masuknya agama Islam ke Pulau Jawa. Sejak itu penyesuaian telah dilakukan selaras dengan lidah orang Jawa, namun, keaslian hurufnya masih dikekalkan. Aksara Jawi bukan sahaja digunakan sebagai sarana ilmu, tetapi juga sebagai wadah kelestarian hidup, seperti mencari jodoh untuk pasangan baru yang akan mendirikan rumah tangga, mengubat pelbagai penyakit dan membuat barangan lebih laris dijual. Pada umumnya, aksara Jawi cuba dicarikan suatu keserasian, dengan fahaman yang dianuti seperti fungsi Alif, sebagai sarana untuk mendekatkan diri kepada Tuhan.

Kata kunci: Pegon, Arab Gundul

ABSTRACT

The Jawi Jawa aksara is known as Pegon alphabet or Arab Gundul and was first used after the encounter with Islam. There had been adjustments in pronunciations to suit the Javanese tongue, nonetheless the originality of the alphabet was preserved. The Jawi aksara did not only serve as a medium of knowledge, but also as a means of fulfillment of meaningful life such as to afford finding one's right partner in marriage, in healing and even to how to make one's business enterprising. In reality aksara Jawi tries to search a symbiosis with the function of Alif deemed as a means to be close to God.

Keywords: Pegon, Arab Gundul

PENDAHULUAN

Orang Jawa sudah mempunyai bentuk penulisan aksara, yang dianggap *adi luhung* leluhur bangsa Jawa sehingga kini (Slamet Riyadi 1996:1). Ia berubah mengikut urutan waktu dan suasana, dengan jati diri keilmuannya sudah terserlah sejak kurun masihi yang ke-8 lagi (Zoetmulder 1994:3). Seperti bahasa lain, bahasa Jawa yang dituturkan itu amat terikat dengan waktu dan tempat (Molen 1985:3). Oleh itu, perkembangan aksara Jawa juga ada kaitan dengan perkembangan

bahasa Jawa yang lahir sebagai alat komunikasi masyarakat. Namun, aksara Jawa dipercayai muncul setelah berlaku pertembungan antara peradaban Jawa dengan India. Sebelum itu, tidak terdapat bukti yang menunjukkan bangsa Jawa ini mempunyai aksaranya sendiri (Poerbatjaraka 1952: vii & Slamet Riyadi 1985:15). Aksara Jawa yang ada pada masa kini adalah hasil daripada pembentukan kembali bentuk dan gaya aksara Jawa Kuna (kuno) (Raffles 1982:370).

Sebelum membicarakan aksara Jawi secara terperinci, perlu ditunjukkan warisan aksara Jawa (H A N A C A R A K A) sebelum kedatangan Islam. Aksara Jawi yang menggunakan aksara Arab, yang lebih dikenali sebagai tulisan *Pegon* atau *Arab Gundul* hanya wujud setelah kedatangan Islam. Dalam pengertian lain, keilmuan bangsa Jawa tidak hanya dirakam dalam aksara Jawa. Orang Jawa juga menggunakan aksara Jawi dalam sarana penyampaian ilmu. Kini, penulisan ilmu di Jawa khususnya, dan Indonesia umumnya, banyak menggunakan aksara Latin sehinggakan aksara warisan, sama ada aksara Jawa dan Arab (Jawi), sudah diabaikan. Kini, bahasa Jawa dituliskan dengan huruf Rumi sebagaimana bunyi ayat-ayat bacaan Al Quran yang dituliskan dengan huruf Rumi.

LATAR BELAKANG AKSARA JAWA

Aksara Jawa lebih sering dikaitkan dengan legenda Aji Saka, iaitu orang yang dianggap pengasasnya sehingga 20 aksara baku Jawa itu dikaitkan dengan dua orang pengiring Aji Saka yang bernama Sembada dan Dora yang tinggal di Pulau Majeti. Mereka diberi tanggungjawab menjaga keris pusaka dan sejumlah barang perhiasan. Di sini timbul satu angkara sehingga kedua-duanya berbunuhan. Cerita sebegini menjadi landasan dalam memperkenalkan dan mempermudah pengajaran aksara Jawa kepada kanak-kanak. Kepada orang dewasa, aksara Jawa lebih banyak dicerna dalam bentuk falsafah yang pernah diungkapkan mantan Presiden Indonesia, Soeharto, dalam bukunya *Hanggayuh Kasampurnaning Hurip, Berbudi Bawaleksana, Ngudi Sajatining Becik* (1985), yang bererti kesempurnaan hidup, berjiwa besar, mengusahakan kebaikan yang sejati. Saranan beliau yang diujarkan sewaktu perasmian Kongres Bahasa Jawa di Semarang pada tahun 1991 itu telah menyuburkan minat pendukung bahasa dan budaya untuk melestarikannya. Sebelum itu, tidak pernah timbul kesedaran di kalangan budayawan Jawa untuk melestarikan aksara Jawa.

Aksara Jawa dan Jawi bukan hanya digunakan sebagai sarana ilmu, malahan wadah mendapatkan kelestarian hidup. Fenomena ini merupakan suatu lumrah seperti yang diperkatakan Abdulfatah Ibrahim (1987:42) yang telah dipetik sebagai:


Huruf, ا ب ت , dibahagi-bahagikan kepada empat anasir, angin, api, air dan tanah. Pembahagiannya menurut ا ب ج د ه و ز ف ط hingga akhir. maka terdapatlah tujuh huruf bagi tiap-tiap satu anasir, dan huruf itu ada pula hubungannya dengan hari yang tujuh dan planet yang tujuh.... Ilmu itu lahir di kalangan pelampau tasawuf yang mengamalkan ilmu

hikmat atau sihir kerana mereka ingin menunjukkan kesaktian mereka yang boleh menyingkap tabir (kasyaf), boleh mengetahui apa yang ada di sebalik indera lahir, dapat mempamerkan kehadiran supernatural (خوارق) luar biasa, dan dapat menguasai alam anasir dan alam rohani.

Dengan itu, tidaklah menghairankan jika fenomena yang sama dilakukan orang Jawa seperti yang sering dilakukan mereka yang mencari kecocokan jodoh, lebih-lebih lagi sewaktu mereka belum bertembung dengan Islam. Dalam kitab *Primbon Betaljemur Adammakna* telah digunakan aksara Jawa untuk menilai kecocokan pasangan pengantin: yang priya bernama Hardi dan wanitanya bernama Rini. Oleh sebab nama si priya itu dimulai dengan aksara Ha dan nama si wanita bermula dengan Ri, lantaran kedua-dua aksara itu terletak pada satu garis, maka kedua-duanya didapati amat cocok menjadi suami isteri. Sebaliknya, kecocokan tidak akan tercapai jikalau aksara awalan nama kedua-dua pasangan pengantin tidak terletak pada satu baris. Misalnya, nama sang priya berawalkan aksara Bu, sementara wanitanya berawalkan aksara Yu. Ini adalah disebabkan dalam aksara Jawa sudah ditetapkan dengan empat baris dengan setiap barisnya tersusun aksaranya seperti berikut:-

- HA NA CA RA KA
- DA TA SA WA LA
- PA DHA JA YA NYA
- MA GA BA THA NGA

Mencari kecocokan nama seperti itu sering melibatkan penggunaan pedoman rajah seperti di bawah ini:



Penggunaan aksara Jawa bukan sekadar untuk mencari kecocokan pasangan untuk dikahwinkan, tetapi juga untuk mencari kebaikan hidup, termasuk melariskan jualan dan perniagaan. Sehubungan sikap orang Jawa melihat aksara Jawa dari perspektif sedemikian, tidaklah hairan jika aksara Jawi (tulisan Arab) dilihat dan dicerna dengan kepentingannya dititikberatkan mengikut landasan yang sama.

AKSARA JAWI (TULISAN PEGON)

Setelah Islam mapan di Nusantara, ia bukan lagi hanya menjadi suatu anutan, malahan *penyaring* dalam perkembangan budaya orang Muslim di Nusantara. Saringan demi saringan telah digunakan untuk mencari penyesuaian dengan kehendak agama, misalnya penggunaan muzik dalam kehidupan. Kebanyakan mereka cuba mencari justifikasi yang sejajar dengan kehendak Islam melalui Al Quran dan hadith. Namun, ada kalanya saringan itu tidak digunakan, demi kepentingan yang didambakan. Sehubungan itu, aksara Jawi (tulisan Arab) turut diberi makna yang sesuai dengan kehendak masyarakat Jawa selaras dengan yang berlaku pada aksara Jawa. Di sini elok ditelusuri beberapa petikan makna dan fungsi aksara Jawa yang sesuai dengan selera masyarakat Jawa. Sebelum itu wajar dinyatakan bahawa oleh sebab sebutan yang amat menebal dalam pembicaraan, orang Jawa tidak dapat melepaskan diri daripada keterikatan ketebalan ini sehinggakan terbawa-bawa dalam penyebutan bahasa asing. Fenomena ini berterusan sehingga penyebutan aksara Jawi (Arab) terpaksa akur dengan liuk lintuk lidah orang Jawa sebagaimana yang akan dipaparkan selanjutnya.

Aksara Jawi dan Sebutan Arab

ا ب ت ث ج ح خ د ذ ر ز
 س ش ص ض ط ظ ع غ ف
 ق ك ل م ن و ه لاء ي ة

Alif, Ba, Ta, Sa, Jim, Ha, Kho, Dhal, Zal, Ro, Zai,
 Sin, Shim, Shot, Dhot, Tho, Zo, ‘Ain, Ghain, Fa, Khof, Khaf,
 Lam, Min, Nun, Wau, Kha, LamAlif, Hamzah, Ya.

SEBUTAN JAWA

Alip, Ba, Ta, Sa, Jim, Kha, Kho, Dhal, Jal, Ro, Jai, Sin Shim, Shot, Dhot Tho, Zo, Ngain, Ghain, Pa ~Kap, Kop, Lam, Mim, Nun, Wawu, Ha, Lam Alip, Amzah, Ya.

Pemaparan di atas memperlihatkan sebutan Jawa amat ketara dalam bunyi p, b, ng, dan r. Misalnya, sebutan Dzohor bertukar menjadi Lohor (Emha Ainun Najib 1992: 101).

ALIP (ALIF)

Lidah orang Jawa sukar menyebut Alif kerana tidak ada bunyi itu dalam aksara Jawa. Oleh itu, untuk mengadakan huruf alif dalam bentuknya yang asli telah digunakan aksara pa (ꦥ) yang ditandai tiga titik di atasnya (ꦥꦠꦠ). Sungguhpun demikian, bagi orang Jawa huruf Alif mempunyai makna dan fungsi yang sudah ditetapkan seperti yang dinyatakan dalam petikan di bawah ini:

Alip murwani jenenging imam, lungguh sajroning grana, sandhuwuring lathi/lembe iku kang kadunungan mung manungsa. Alip mengku lair batin den pepuji saben dinane sebutu amuji walu Mukhamad, pigunane angedohake kang lelara, rahayu kang pinanggih, kinasihan ing sapepadane. Lakune sabar narima, suci, budi, santoso ing saben dinane. Yen ana pageblug saben omah pasangana rajah alip ing mapan ing lawang ngarep omah, sarta sinartyan klonthongan kupat loro, kang siji diisi wewinihan, kayata beras, kacang dele lan sapanunggalane, kang siji isi gula, uyah, kopi sarta kembang setaman, uga kendhi isi banyu pitu, kendhi dikrukup mori putih, ketelu iku mau canthelna ing dhuwur lawang omah ngarep sisih njero. Slametane Rasulan sega golong, jangan menir, memule Kanjeng Nabi Mukhamad. (Wibarsu Harianto 1992:42)

Terjemahannya

Alif keberanian yang dikatakan imam (pemimpin), terletak di dalam hidung, di atas bibir yang menjadi ketetapan manusia. Alif pada dasarnya adalah luar dalam yang memuji setiap hari dengan sebutan Nabi Muhammad dengan tujuan untuk menjauhkan mala petaka, selamat dengan apa yang ditemui, berkasih-kasih selaras dengan perlakuan seperti sabar, narima, suci, berbudi bahagia setiap hari. Jika berlaku wabak penyakit setiap rumah harus meletakkan huruf alif di depan pintu rumahnya disertai dua bungkus ketupat, satu diisi dengan pelbagai bijirin seperti beras, kacang dal dan sementara yang satu lagi diisi gula, kopi, garam dan pelbagai bunga. Kendi (labu air) diisi dengan air dari tujuh tempat dan ditutup dengan kain putih. Ketiga-tiga barang tadi diletakkan di atas pintu yang menghadap ke dalam rumah. Untuk makanan slametan makanan khusus ialah ayam golek, nasi dan sayur biasa.

Petikan di atas memperlihatkan bagaimana huruf alif digunakan sebagai *penghindar mala petaka* dengan meletakkan huruf alif di *depan pintu* sebagai lambang penjagaan/keselamatan. Fungsi huruf alif itu sama dengan patung Ganesha yang sering diletakkan di depan pintu sebagai penjaga. Persoalan di sini ialah mengapa aksara Alif digunakan sebagai penjaga. Hal ini pernah ditanyakan kepada seorang budayawan di Jawa, bapak Kuntjoro di Surabaya pada 1997. Jawapan beliau ialah *aksara Alif adalah aksara yang pertama di*

dalam aksara Jawi. Gambaran sedemikian dikaitkan dengan Allah, sang pencipta yang bermula dengan aksara alif. Allah itu wujud dan Allahlah yang menjadikan manusia dan seisi alam ini. Daripada-Nya kita datang dan kepada-Nya kita kembali dan ini ada kesesuaiannya dengan 'sangkan paran makhluk' (Syamsul 'Alam 1985: 48). Justeru itulah aksara alif pernah dijadikan lambang untuk kegiatan kebatinan, selain kelompok Pangestu, Subud dan sebagainya. Sehingga kinipun masih ada orang Jawa meletakkan aksara alif di hadapan pintu rumah dan juga di hadapan tempat solatnya dengan hajat untuk mendapat kebaikan.

Jika dikaitkan dengan bentuk aksara alif yang tegak dari atas ke bawah ia membawa pengertian Tuhan akan sentiasa berada dalam zat-Nya yang khas dan tidak berubah-ubah, iaitu yang bersifat kekal. Gambaran ini ada persamaan dengan sifat 20 Allah yang amat lumrah kepada penganut Islam. Namun, daripada petikan tadi, alif membawa makna imam yang terletak di dalam hidung, iaitu di atas bibir dan itulah tumpangan manusia. Hal ini ada kewajarannya dengan sikap orang Jawa sewaktu mengadakan pengheningan cipta. Mereka sering disarankan untuk mengawal nafas yang keluar masuk melalui hidung. Selain itu, pernafasan memang ada kaitan dengan udara dan manusia tidak akan hidup tanpa pernafasan. Pernafasan tidak pernah melalui anggota lain, melainkan hidung atau pun mulut. Manusia hanya bernafas melalui mulut ketika berselsema (pileg). Udara adalah ganjaran yang paling besar kepada manusia. Pernafasan amat perlu kepada manusia yang akan berusaha semaksima mungkin untuk memulihkan kembali pernafasan kerana faktor ini menjadi penentuan hidup dan mati.

Di dalam teknik *samadhi* (menghening cipta), orang Jawa harus menjalani banyak perkara yang menyangkut soal pernafasan dan hidung seperti petikan yang sudah diubahsuai daripada tulisan Seno Sastroamidjojo (1964:244-245). Antaranya ialah:

1. Mencari ketenangan, terutama di tempat sunyi dan sepi seperti di dalam gua, hutan dan puncak bukit. Waktu yang paling cocok ialah malam hari menjelang subuh. Pada waktu beginilah diharapkan tidak ada sebarang bunyi sehingga dikatakan 'tidak seekor belalangpun diperbolehkan berbisik' (*Tan kena ana walang ngalisik*).
2. Melepaskan secara sempurna segala tekanan di dalam diri dengan berbaring atas sekeping papan, bangku atau lantai sehingga jasad atau diri diumpamakan seperti kain basah yang tidak merasa apa-apa jika diperlakukan. Pemusatan ditumpukan ke satu titik, iaitu hujung hidung dengan memerhatikan pernafasan, iaitu udara keluar masuk.
3. Menutup rapat kedua-dua belah mata, sambil dipusatkan kepada hujung hidung.
4. Tidak memperdulikan keadaan tubuh.
5. Pusatkan fikiran ke seluruh alam semesta yang tenang, tenteram dan sunyi-senyap.

6. Pusatkan fikiran kepada perkara yang indah permai dan bersifat luhur yang membahagiakan.
7. Dengungkan di dalam batin beberapa kali kata-kata berikut: ‘segala-galanya tenang – amat tenang – ketenangan yang serba sempurna – aku seorang diri saja di dalam suasana sunyi-senyap yang tidak terhingga – semuanya sunyi-senyap!’ sehingga orang itu sudah merasakan ketenangan berada bersamanya.

KESERASIAN AKSARA DAN BUDAYA

Untuk mencari keserasian, orang Jawa menyatukan konsep alif dengan *sesajen* yang harus disediakan dan *slametan* yang harus dilaksanakan. Kesemuanya ini adalah rentetan budaya yang berterusan dari fahaman Hindu Jawa hingga kepada Jawa Islam. Umumnya, masyarakat Jawa kini masih mengamalkan *slametan* yang dianggap paling penting untuk mencari keselarasan hidup (Noriah 1992:41 & Magnis 1983:93). Memandangkan kepercayaan mereka bahawa kemampuan manusia amat terbatas, bantuan daripada kuasa yang lebih agung amat didambakan. Untuk mendapat penghasilan yang diperlukan, usaha amat wajar dilaksanakan. Gejala ini boleh dilihat pada cara orang Jawa melariskan jualan atau dagangan mereka. Kepada mereka, pengendalian (*managements*) perniagaan adalah soal sekunder, kerana sokongan daripada faktor luar lebih diperlukan.

Sehubungan inilah orang Jawa menggunakan cara yang sama dengan harapan apa yang dilaksanakan tidak bercanggah dengan agama yang mereka anuti seperti menggunakan aksara Jawi (Arab) dengan nama-nama Allah dalam rajah yang dilukiskan di atas kain kuning atau putih. Kain yang digunakan itu sebaiknya dikemeyankan dengan membaca sepuluh nama (*asma'*) Allah sebanyak seribu kali. Selepas itu, kain tadi akan dilipat dan dibungkus dengan rapi dan dilafazkan dengan kata-kata Insya Allah untuk dibawa bersama sewaktu berdagang. Dengan itu, dagangannya akan laris dan andainya diletakkan di kedai, kedainya semakin laris. Gambarajah yang disebut *Wifik* dapat diteliti di bawah ini. Sementara itu, dapat dirumuskan bahawa aksara Jawi bukan sekadar untuk mendapatkan pengetahuan, tetapi juga digunakan untuk kebaikan manusia. Kewajaran penggunaan secara Islam akan dibincangkan di akhir tulisan ini.

Cara-cara penggunaan kain kuning atau putih ini dapat disamakan dengan penggunaan *azimat* yang lumrah diamalkan dalam masyarakat Melayu. Namun, ingin diketahui mengapa harus kain kuning atau putih? Justifikasi dan ke-wajarannya adalah seperti yang diberi di bawah ini:

1. Kain kuning dan putih merupakan warna yang terang. Sesuatu yang dituliskan di atasnya pasti akan menjadi lebih terang dan terserlah. Sebaliknya, tulisan tidak akan kelihatan dengan terang andainya kain itu hitam, merah atau warna lain. Hal ini ada kesamaannya dengan kanvas putih yang

ا	ب	ح	ر	س	ل	م	ن	ه	ي	يا
ب	ح	ر	س	ل	م	ن	ه	ي	ا	ا
ح	ر	س	ل	م	ن	ه	ي	ا	ب	ب
ر	س	ل	م	ن	ه	ي	ا	ب	ح	ح
س	ل	م	ن	ه	ي	ا	ب	ح	ر	ر
ل	م	ن	ه	ي	ا	ب	ح	ر	س	س
م	ن	ه	ي	ا	ب	ح	ر	س	ل	ل
ن	ه	ي	ا	ب	ح	ر	س	ل	م	م
ه	ي	ا	ب	ح	ر	س	ل	م	ن	ن
ي	ا	ب	ح	ر	س	ل	م	ن	ه	ه
يا	ا	ب	ح	ر	س	ل	م	ن	ه	ه

- digunakan pelukis. Mereka sering menggunakan kanvas putih atau kekuning-kuningan kerana kain semacam itu sahaja dapat melahirkan lakaran atau gambar yang ingin dipaparkan. Itulah beberapa sebab utama warna putih menjadi penting kepada orang Muslim dan masyarakat Islam, sehinggakan bayi yang baru lahir diumpamakan seperti kain putih.
2. Kepada orang Jawa, warna putih dan kuning mempunyai makna yang tersendiri, kerana warna-warna ini dikaitkan dengan empat warna, iaitu merah, kuning, hitam dan putih yang lumrah dalam pewayangan Jawa. Keempat-empat warna ini mempunyai kaitan dengan empat unsur alam, iaitu tanah, angin, air dan api yang diselaraskan dengan huruf Jawa dan juga Jawi (Arab) seperti yang telah dinyatakan sebelum ini. Warna-warna ini membawa pengertian yang difahami orang Jawa, walaupun pemahaman mereka mungkin berbeza daripada pandangan orang lain. Kepada orang Jawa, unsur tanah dikaitkan dengan warna hitam, angin dengan warna kuning, api dengan warna merah dan air dengan warna putih. Selanjutnya keempat-empat anasir dan warna ini dikaitkan pula dengan empat nafsu manusia: marah, tamak, sabar dan rela.
 3. Seterusnya, warna merah dikaitkan dengan anasir api yang sentiasa bersedia untuk membakar. Persoalan yang timbul di sini ialah mengapa api sering

dikaitkan dengan marah? Pasti kebanyakan kita dapat memberi penafsiran ketika seseorang itu sedang marah dengan mukanya menjadi merah, selain perubahan jelas pada rentak suaranya yang meninggi. Orang yang sedang marah itu akan berdiri dengan tangannya mengembang yang akan menimbulkan kesan kepada sasarannya. Atas sebab itulah, dalam masyarakat Jawa disarankan agar mengimbangi sifat marah dengan sifat sabar. Jika marah menerpa, orang itu harus memulakan perkiraan daripada nombor 10. Jika orang Jawa itu Muslim, dia disarankan untuk duduk beristigfar dan sebaiknya terus mengambil wudhuk.

4. Warna hitam pula dikaitkan dengan tanah atau bumi, yang pewujudannya bersifat melekat. Pengertian melekat lebih dikaitkan dengan perlakuan malas, kuat makan, senang minum, bongkak, serakah, tinggi diri dan seksual. Nafsu-nafsu itu meliliti jiwa manusia, seperti senang bermalas-malasan, senang kepada pujian dan penghormatan, senang kepada kenikmatan bersenggama dan makan minum yang enak-enak. Untuk melenyapkan nafsu yang melekat ini dengan menanamkan rasa rela (melepaskan), segala keinginan atau lebih tepat mengekang diri dan dituntut untuk menahan diri seperti berpuasa. Justeru itu, orang Jawa *mengadakan laku* seperti berpuasa pada setiap Isnin dan Khamis, selain ada kalanya melakukan puasa *memutih* (hanya makan sekepal nasi).
5. Warna putih kerap dikaitkan dengan anasir air yang bersifat positif. Nafsu inilah yang perlu dipelihara dan dipertingkatkan kerana kesejajarannya dengan sikap *Narima* (kesediaan). Air daripada makna yang umum dan difahami sebagai suatu sumber penghidupan itu amat didambakan oleh setiap orang, binatang dan tumbuh-tumbuhan. Gambaran air sering memberikan kedinginan dan inilah elemen yang paling wajar digunakan untuk melenyapkan api kemarahan. Tanpa air, segala kejadian tidak akan hidup dan berfungsi.
6. Warna kuning sering pula dikaitkan dengan udara (angin) yang diperlukan oleh setiap manusia dan makhluk lain. Tanpa udara, manusia akan mati. Selain itu, elemen ini juga dikaitkan dengan sifat semulajadi manusia yang mempunyai perasaan kasih sayang, suka tolong-menolong dan merasakan kebahagiaan dan kesusahan orang lain. Sifat ini ada kesejajaran dengan sifat yang dipunyai Tuhan, tetapi dalam keadaan yang berbeza. Kasih sayang manusia tidak dapat disamakan dengan kasih sayang Tuhan kerana kasih sayang Tuhan adalah tanpa batasan, maka amat wajar Tuhan (Allah) dikenali dengan 99 nama (asmaul Husna).

Keempat-empat warna yang dikaitkan dengan keempat-empat unsur dalam diri manusia itu merupakan suatu ikatan dan kepelbagaian pentafsiran yang dapat dilakukan sejajar dengan budaya yang mempengaruhi kehidupan individu itu.

PENGGUNAAN AKSARA JAWI DARI PANDANGAN ISLAM

Sungguhpun aksara Jawi digunakan sebagai azimat, tetapi kadangkala penyelewengan berlaku. Misalnya, wifik yang diterakan di atas kain sutera kuning atau putih ini jika dipercayai si pembuat tadi akan menjadikan jualannya laris, maka dia telah meletakkan kepercayaannya kepada benda lain. Daripada segi hukum Islam, dia *berdosa* (Amran Kasimin 1997). Perkara seperti ini sering berlaku dalam masyarakat Jawa. Yang dipentingkan adalah hasil aktiviti tanpa memperhitungkan sama ada ia diterima agama atau tidak. Di sini, harus disedari bahawa bukan semua mereka menjadi penganut agama Islam yang komited, tetapi mereka boleh dibahagikan kepada tiga kelompok: *Priyayi, Santri dan Abangan*. Oleh itu, ramai di antara mereka mengamalkan kebatinan (agama Jawi), yang sering mencari keserasian dengan agama yang dianuti.

PENUTUP

Aksara Jawi yang diperkatakan ini terbatas kepada bagaimana tradisi penggunaan aksara itu berterusan dari era penggunaan Ha Na Ca Ra Ka hingga kepada penggunaan Alif Ba Ta dalam bentuk yang telah diserasikan sesuai dengan fungsi yang didambakan. Penggunaan aksara Jawi, lebih-lebih lagi aksara Alif dalam pelbagai kegiatan sudah menampakkan terikatnya orang Jawa dengan aksara yang mereka gunakan. Mereka juga menggunakannya dalam tradisi perbomohan yang berlandaskan Islam, dengan memetik ayat-ayat Al Quran untuk menghindarkan diri daripada gangguan dan sarana perubatan. Contoh seperti 'Laqad kuntu' digunakan untuk mengubat sakit gigi. Dalam bahasa Jawa 'untu' adalah gigi. Yang penting adalah bunyi dan bukan maknanya. Aksara Jawi yang digunakan kadangkala tanpa diketahui maknanya, kerana yang dipentingkan ialah hasil yang diperolehi daripada apa yang mereka lakukan. Mereka masih mewarisi tradisi perubatan leluhur sehingga kini.

RUJUKAN

- Abdullah Ciptoprawiro. 1986. *Filsafat Jawa*. Jakarta: Balai Pustaka.
- Abdul Fatah Haron Ibrahim. 1987. *Ajaran Sesat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Amran Kasimin. 1997. *Amalan sihir masyarakat Melayu: satu Analisis*. Kuala Lumpur: Percetakan Watan.
- Emha Ainun Najib. 1992. *Silit Sang Kiai*. Jakarta: Pustaka Utama Grafiti.
- Idrus H. Alkaf. 1990. *Ilmu kedigdayan*. Pekalongan: Penerbit Sumber Ilmu.
- Magnis Suseno, Franz. 1983. *Etika Jawa dalam tantangan*. Yogyakarta: Penerbit Yayasan Kanisius.
- Muhammad Ali Akbar. 1980. *Perbandingan hidup secara Islam dengan tradisi Pulau Jawa*. Bandung: P.T. Al Maa'rif.

- Molen W. van der. 1985. Sejarah dan perkembangan aksara Jawa. Dlm. Soedarsono dkk. (penyunting). *Aksara dan ramalan nasib dalam budaya Jawa*. Yogyakarta: Proyek Javanologi.
- Noriah Mohamed. 1995. *Jayengbaya: memahami pemikiran Jawa*. Bangi: Pejabat Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Poerbatjaraka, R.M. Ng. & Tardjan Haidijaja. 1952. *Kepustakaan Djawa*. Jakarta. Djambatan.
- Raffles. Thomas Stamford. 1982. *The History of Java*. Jilid 11. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Seno Sastroamidjojo. 1964. *Renungan tentang pertunjukan wayang kulit*. Jakarta: Penerbit Kinta.
- Syamsul Alam. 1985. *Semedi filsafat dan kuncinya*. Surabaya: Citra Jaya Murti.
- Slamet Riyadi. 1996. *Ha-Na-Ca-Ra-Ka (Kelahiran, penyusunan, fungsi dan makna)*. Surabaya: Yayasan Pustaka Nusantara.
- Sri Mulyono. 1979. *Simbolisme dan mistikisme dalam wayang*. Jakarta: Gunung Agung.
- Wibatsu Harianto Soembogo. 1992. *Kitab Primbon Goradhatun Adammakna*. Ngayogyakarta: Praja Dalem Hadiningrat.
- Zoetmulder. 1994. *Kalangwan: sastra Jawa selayang pandang*. Jakarta: Penerbit Djambatan.

Dr. Noriah Mohamed
Felo Kanan
Institut Alam dan Tamadun Melayu
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi
Selangor Darul Ehsan
e-mail: nong@pkriscc.ukm.my